



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 25 Tahun 2019

**CUTI TANPA REKOD
SEMPENA PERAYAAN *GOOD FRIDAY* BAGI PEGAWAI YANG
MENGANUT AGAMA KRISTIAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berkecualikan mengenai penerimaan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan kemudahan cuti tanpa rekod sempena perayaan Good Friday bagi pegawai yang menganut agama Kristian.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-169 pada 24 Mei 2019 telah bersetuju meluluskan cadangan penerimaan pakai Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan kemudahan cuti tanpa rekod sempena perayaan *Good Friday* bagi pegawai yang menganut agama Kristian mulai tahun 2019.
3. Pemberian kemudahan ini telah dijelaskan melalui Surat Edaran JPA rujukan JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld.9 bertarikh 17 April 2019 yang membenarkan pegawai yang terlibat tidak hadir bertugas dan tidak ditolak daripada kelayakan Cuti Rehat pegawai.
4. Kemudahan ini adalah ditujukan kepada Kementerian Kerajaan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Kerajaan serta Kerajaan Tempatan dan ianya dikecualikan bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan *Good Friday* merupakan hari kelepasan am iaitu bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

PELAKSANAAN

5. Pelaksanaan kemudahan cuti tanpa rekod sempena perayaan *Good Friday* adalah seperti berikut:
 - 5.1 staf UiTM yang dilantik secara tetap dan beragama Kristian boleh diberikan cuti tanpa rekod sempena perayaan *Good Friday* sebanyak satu (01) hari mulai tahun 2019;
 - 5.2 sekiranya staf telah diluluskan Cuti Rehat pada 19 April 2019, maka Cuti Rehat tersebut hendaklah dibatalkan dan digantikan dengan cuti tanpa rekod selaras dengan ketetapan berkenaan; dan
 - 5.3 kemudahan ini dikecualikan bagi staf UiTM di negeri-negeri yang perayaan *Good Friday* merupakan hari kelepasan am iaitu bagi UiTM Cawangan Sabah dan UiTM Cawangan Sarawak.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling dikeluarkan pada 19 Jun 2019.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 April 2019.

PEMAKAIAN

8. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf UiTM yang berkeelayakan.



AZIDA AZMI

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(Bil. 25/2019)